

# Penyanggak siber ambil kesempatan kemajuan IT

B.H m/s 10 30.3.07



**Suara  
Orang Muda**

Bersama

**Noraini Ahmad**

E-mel: norainiputeri@yahoo.com

**B**ARAT wabak yang sukar dikawal, jenayah kolar putih terutama kes penipuan menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khususnya internet semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.

Jika nada bimbang terhadap *trend* yang boleh mengancam keselamatan negara itu disuarakan sendiri oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, siapa yang tak tersentak, rasanya tiada antara kita yang terkecuali daripada dilanda rasa gerun. Ini kerana boleh dikatakan kemudahan komputer dan internet kini ada di kebanyakan rumah, selain pejabat, malah pemilik telefon bimbit dengan kemudahan GPRS dan 3G pun boleh melayari internet pada bila-bila masa dan di mana saja. Semua maklumat yang tersimpan dalam internet berada di hujung jari.

Tambahan pula kerajaan baru mengemukakan senarai pemegang lesen kebenaran bagi mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi akses jalur lebar tanpa wayar 2.3 Gigahertz (GHz) atau WiMAX. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ketika mengumumkan perkara itu menyatakan syarikat pengendali hendaklah memulakan perkhidmatan berkenaan selewat-lewatnya akhir tahun ini. Ini bererti seawal tahun depan kita semua berada dalam kawasan yang mesra komunikasi. Boleh berhubung dan dihubungi melalui segala cara termasuk emel

dan juga laman sembang maya.

Bayangkanlah dengan terlaksananya perkhidmatan WiMAX ini maka dunia perhubungan menjadi semakin kecil dan mudah dicapai. Jika sekarang, telefon bimbit menjadi nadi dan barang keperluan setiap individu, maka tidak mustahil dalam beberapa tahun lagi komputer bimbit menjadi nafas bagi setiap orang. Rata-rata yang lebih gemar melayari internet pula adalah kalangan anak muda, anak kita, adik kita, tak kira yang masih sekolah, belajar di institusi pengajian tinggi, mahupun yang sudah bekerja. Mereka ini adalah generasi celik IT. Masakan tidak, mereka lahir saja ke dunia ini sudah nampak komputer, telefon bimbit, tahu apa itu cakera padat, modem, perisian komputer dan sebagainya.

Yang tidak ada kemudahan internet pula sanggup habiskan masa di kafe siber. Dulu bayarannya agak mahal, tetapi itulah kelebihan teknologi semakin hari anggaran pengendaliannya semakin murah berikutan perluasan penggunaan dan perkongsian kos oleh lebih ramai orang. Dan kalau kita masuk ke kafe siber, rata-ratanya adalah remaja terutama pelajar. Kita tidak mampu menyekat mereka daripada berhubung dengan dunia maya.

Ini adalah kaedah kehidupan zaman kini. Jika disekat tidak tentu arah, maka anak atau adik kita adalah kelompok yang ketinggalan. Kita sendiri pun tidak mampu hidup tanpa jaringan komunikasi, apatah lagi mereka yang menganggap gajet sebagai barang permainan seharian. Cuma mungkin disiplinnya yang mesti kita kawal dan pantau.

Bayangkanlah, bila hampir hari-hari melayari internet di kafe siber, maknanya mereka juga terdedah kepada ancaman penipuan menerusi laman web. Bagi yang

mudah gelap mata, senang diperdaya, nahaslah jawabnya. Itulah antara beberapa cabaran yang perlu diharungi dalam dunia tanpa sempadan, kecanggihan teknologi tanpa batasan – apa lagi setiap negara termasuk Malaysia kini berlumba-lumba bergerak ke arah perkhidmatan maklumat, komunikasi dan multimedia lebih maju.

Bayangkanlah Telekom Malaysia (TM) Bhd meramalkan bilangan pelanggan internet di negara ini akan menjangkau 10 juta dalam tempoh lima tahun akan datang. Apa yang dilaporkan berlaku di Britain misalnya, kes penipuan perbankan internet meningkat sehingga 8,000 peratus sejak dua tahun lalu, cukup menggerunkan. Agensi pemantau kewangan kerajaan, Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan (FSA) dalam taklimat kepada jawatankuasa Parlimen di negara berkenaan menganggap perkembangan itu sebagai amat membimbangkan kerana membuktikan kegiatan penipuan secara online itu terus berleluasa.

Kegiatan jenayah berkenaan antara lainnya menggunakan laman web palsu yang mengumpam pengguna internet mendedahkan nombor akaun bank mereka, demikian dilaporkan Perbadanan Penyiaran Britain (BBC). Kita di negara ini juga harus berhati-hati dengan pelbagai bentuk penipuan serta taktik jualan yang boleh menyebabkan kita terjerumus ke kancah hutang. Tahun lalu negara pernah digemparkan dengan taktik penyamaran yang menggunakan nama bank terkemuka. Yang tertipu bukan calang-calang orang, golongan profesional pun terkena juga.

Dunia yang semakin canggih dengan pelbagai teknologi menyebabkan taktik serta kaedah penipuan juga semakin licik

dan hebat. Bagi mengekang hal ini, kita semua harus lebih berhati-hati, mempunyai ilmu kepenggunaan serta sentiasa peka terhadap persekitaran. Kisah 'peniaga online' memburu pelanggan dengan membuat pelbagai tawaran semakin berlambak. Justeru, kita semua harus lebih waspada.

Begitu dahsyat penipuan dilakukan menerusi internet, yang kebanyakannya dikatakan membabitkan pihak luar negara. Seperti yang didedahkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, ahli sindiket terbabit kerap memperdaya mangsa dengan taktik baru itu berpunca sikap tamak mangsa yang mudah gelap mata akibat tawaran urus niaga berkenaan.

Kita sebagai pengguna kena berhati-hati terutama ketika memindah turun bahan dari internet kerana penceroboh sistem rangkaian komputer sanggup menggunakan pelbagai tipu helah bagi memperdayakan pengguna untuk mencuri maklumat korporat, data peribadi atau wang. Marilah kita semua memanfaatkan kemudahan ICT sebaik mungkin untuk meningkatkan jangkauan ilmu pengetahuan dan perkara yang memberi manfaat. Janganlah kita mudah terpedaya dengan penipuan yang disebarkan pihak tidak bertanggungjawab. Sentiasa beretika dan berjaga-jaga. Jika semua pihak bekerjasama dalam memastikan keamanan dunia siber, maka manfaat alam maya ini akan menguntungkan kita di dunia nyata.

Ingat sebelum kena. Beringatlah sepanjang masa. Bertindaklah berlandaskan nilai moral dan asas pemikiran yang tinggi.

**(Datuk Noraini Ahmad adalah Ketua Puteri Umno Malaysia)**